

▼03/08/18-43MST

CNS9428

R GB 03-08 00170 BA148

bah

PROSES SIAPKAN KAJIAN ALAM SEKITAR DIPERMUDAH BAGI PAEDAH RAKYAT

Mahathir - ETA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Proses penyediaan laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) perlu dipercepatkan supaya melicinkan projek pembangunan untuk faedah rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata banyak projek telah tergendala kerana penilaian tidak seragam dan terlalu tinggi yang ditetapkan untuk laporan-laporan kajian itu.

+Kerajaan memang mengutamakan persekitaran, kita lebih peka dan lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar tetapi kadang-kadang kita dapati penilaian yang dikenakan agak terlalu tinggi, kadang-kadang lebih tinggi daripada negara maju, katanya.

Beliauditanya mengenai tujuannya kerajaan menyeragamkan prosedur mengenai laporan itu, pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di ibu pejabat UMNO, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

+Kita harus ingat bahawa pertumbuhan pembangunan negara kita adalah amat penting untuk rakyat dan kita tak boleh membenarkan sebarang kelewatan dalam perkara ini, kata Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN. -- Lagi

▼03/08/18-47MST

R GB 03-08 00156 BA150

bah

Mahathir - EIA 2 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata keputusan meluluskan laporan itu dibuat mengikut penilaian seseorang atau beberapa orang dan ini menyebabkan ia tidak seragam.

Oleh itu, perlu diadakan satu format yang menentukan keseragaman dalam meluluskan laporan EIA, katanya.

Sebuah laporan muka depan akhbar hari ini memetik Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Law Hieng Ding sebagai berkata buat masa ini tidak ada ketetapan khusus bagi menyediakan laporan itu dan perunding-perunding berlainan membuat penilaian mereka tersendiri.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan negeri perlu mematuhi ketetapan yang dibuat kerajaan pusat mengenai laporan EIA.

Katanya, walaupun urusan mengenai tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri namun kerajaan pusat masih mempunyai kuasa bertindak jika projek yang dijalankan mencemari alam sekitar.

+Umpamanya jika dia (kerajaan negeri) mengadakan kilang dan ia mencemarkan air... walaupun tanah itu miliknya, kita boleh mengambil tindakan, katanya. -- Bernama.

▼03/08/19-01MST